

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 1(9)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 09 TAHUN 2014**

Tarikh : 28 Oktober 2014 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.15 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | Encik Sufari bin Tinnin
Ahli Majlis | - | Pengerusi
Mesyuarat |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 5. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 6. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 7. | Puan Azizan binti Jamaludin | - | " |
| 8. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 9. | Puan Sazana binti Isa | - | " |
| 10. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |
| 11. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 13. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 14. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 15. | Encik Wan Hock Leong | - | " |
| 16. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 17. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Michael Tamilarason a/l K. Nadaysen | - | " |
| 3. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 4. | Puan Rozaina binti Hamzih | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Puan Hamizun binti Mohd Basar
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
2. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
3. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Pelesenan
7. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
9. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Encik Zahiruddin bin Hashim
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
11. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
13. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC

14. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
15. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
16. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
17. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
18. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
19. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
20. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
21. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
22. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
23. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
24. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
25. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
26. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
27. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan

28. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
29. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
30. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
31. Encik Alias bin Miskon
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
32. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
33. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
34. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
35. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
37. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
38. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
40. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
41. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan

42. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
43. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
44. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
45. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
47. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
48. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
49. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
50. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
51. Puan Diana binti Mohamad Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
52. Encik Mohd Shahrin bin Mohd Nasir
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
53. Puan Siti Syarezza binti Mohd Hisham
Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan COB
54. Encik Ahmad Fairuz bin Fadzil
Ahli Muzik Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat

URUSETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN Pengerusi

Tuan Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 09/2014 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM (AISA) 2014

MPSJ telah berjaya mencipta satu lagi kejayaan terbesar dalam tahun 2014 dengan mengungguli **Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2014** dalam kategori Pihak Berkuasa Tempatan anjuran bersama pihak MAMPU. Majlis Anugerah AISA 2014 ini telah diadakan pada 09 Oktober 2014 (Khamis), bertempat di Grand Ballroom, The Place, One City, USJ 25, Subang Jaya.

Majlis ini bertemakan “Melestarikan Inovasi, Memartabatkan Transformasi”. Acara perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN). Majlis ini turut dihadiri oleh Tetamu Kehormat iaitu YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan YBhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Kemenangan ini merupakan pencapaian berganda yang diperolehi oleh MPSJ dalam tahun ini selepas pencapaian penarafan 5 Bintang Pihak Berkuasa Tempatan sekaligus meletakkan MPSJ sebagai Pihak Berkuasa Tempatan cemerlang di Malaysia dan juga di Negeri Selangor seterusnya membuka cabaran yang lebih luas kepada MPSJ untuk memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan sentiasa pada tahap terpuji.

MPSJ bertekad untuk terus meningkatkan usaha dan komitmen bagi memartabatkan penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih tinggi menerusi perkhidmatan yang mesra, cekap dan berintegriti sekaligus pada masa yang sama membina nama MPSJ sebagai sebuah PBT yang meneraju, inovatif dan berprestasi tinggi.

Majlis Perbandaran Subang Jaya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung khususnya kepada seluruh Warga Kerja MPSJ, Pegawai, Ketua-Ketua Jabatan serta Ahli Majlis MPSJ yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sehingga MPSJ berjaya mencapai kejayaan yang cemerlang ini.

Pihak Majlis turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih terutamanya kepada Kerajaan Negeri Selangor di atas kepercayaan dan sokongan sehingga MPSJ berjaya mencapai prestasi yang cemerlang dan berprestij ini. Sehubungan itu, pihak Majlis sentiasa mengharapkan sokongan daripada semua pihak untuk MPSJ terus maju dan melakar lebih banyak kejayaan pada masa-masa akan datang.

2.2 ANUGERAH MEDAN SELERA

MPSJ telah berjaya menjadi Johan dalam Anugerah Medan Selera (Food Court) Bersih, Selamat Dan Sihat 2014 Peringkat Negeri Selangor anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Dengan kemenangan ini, MPSJ telah terpilih untuk mewakili Negeri Selangor bagi Anugerah Medan Selera (Food Court) Bersih, Selamat Dan Sihat 2014 Peringkat Kebangsaan.

Lawatan tapak oleh Panel Penilai Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat Dan Sihat 2014 Peringkat Kebangsaan ke lokasi Gerai Medan Selera Taman Tasik Puchong Perdana telah dijalankan pada 15 Oktober 2014.

Pihak Pengurusan MPSJ mengharapkan semoga penyertaan MPSJ dalam Anugerah Medan Selera ini akan memberikan kejayaan yang lebih besar kepada MPSJ.

2.3 PROGRAM KHAS YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR TURUN PADANG KE DAERAH PETALING

Sukacita dimaklumkan bahawa satu Program Khas YAB. Dato' Menteri Besar Selangor Turun Padang Ke Daerah Petaling akan diadakan pada 31 Oktober 2014 (Jumaat), jam 8.00 pagi – 12.30 tengah hari.

Aturcara program yang akan diadakan adalah seperti berikut:

- i. Perhimpunan Bulanan Bersama Dato' Menteri Besar Selangor, YAB. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali di Dewan Sivik MBPJ
- ii. Lawatan tapak ke lokasi-lokasi bermasalah di Daerah Petaling
- iii. Solat Jumaat di Surau Nurul Rahmah, Kampung Melayu Subang, Shah Alam

2.4 PROGRAM REMAJA KOTA TURUN KE DESA

Program ini merupakan salah satu Program Pembangunan Belia yang dilaksanakan oleh pihak Majlis bertujuan memberi pendedahan khususnya kepada golongan remaja bagi membentuk jati diri dan sahsiah diri. Memberi peluang kepada masyarakat bandar merasai dan menghayati kehidupan di desa selain memberi pendedahan kepada para peserta khususnya golongan belia dalam melakukan aktiviti rutin masyarakat desa.

Memupuk semangat keharmonian dan saling hormat menghormati di dalam usaha untuk membentuk masyarakat Malaysia yang bersatu padu serta dapat mengeratkan dan mendekatkan hubungan masyarakat kota dan desa.

Program ini juga secara tidak langsung dapat menggalakkan aktiviti pelancongan di dalam Negeri Selangor. Program ini akan diadakan pada 7, 8 & 9 November 2014 (Jumaat, Sabtu & Ahad) bertempat di Homestay Air Manis, Sabak Bernam.

Penyertaan;

Remaja dan belia yang berumur 13 hingga 35 tahun.

Yuran Penyertaan;

Yuran yang dikenakan adalah RM100.00 seorang.

Di antara aktiviti yang akan diadakan ialah;

- i. Program kerohanian
- ii. Program keluarga angkat
- iii. Melawat industri IKS
- iv. Sukaneka di bendang
- v. Bermain layang-layang
- vi. Tarik tali
- vii. Memancing
- viii. Pentomen
- ix. Kraftangan
- x. Berkayak
- xi. Aktiviti kebudayaan
- xii. Aktiviti gotong-royong
- xiii. Aktiviti lawatan ke pusat pelancongan kelip-kelip

2.5 HARI KITAR SEMULA PERINGKAT KEBANGSAAN 2014

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah bagi sambutan program Hari Kitar Semula Peringkat Kebangsaan 2014. Program ini merupakan anjuran oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Majlis ini akan diadakan pada 15 November 2014 (Sabtu), jam 8.00 pagi – 2.00 petang bertempat di Taman Tasik Seri Serdang.

Acara perasmian akan disempurnakan oleh Y.B. Datuk Abdul Rahman bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

2.6 PROGRAM KARNIVAL KESENIAN & KEBUDAYAAN ORANG ASLI (KAMPUNG SUNGAI RASAU, PUCHONG)

Program ini merupakan salah satu program kerjasama di antara pihak Majlis dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Program kerjasama ini adalah pertama kali dianjurkan oleh pihak Majlis dan akan diadakan pada 15 November 2014 (Sabtu), jam 10.00 pagi – 11.30 malam bertempat di Padang Perkampungan Orang Asli Sungai Rasau, Puchong.

Di antara aktiviti yang akan diadakan ialah;

- i. Pameran Dan Gerai Jualan
- ii. Pertandingan Menyumpit
- iii. Program Jalinan Kasih
- iv. Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak
- v. Persembahan Sewang
- vi. Pertandingan Memasak Makanan Tradisi Orang Asli
- vii. Pertandingan Pakaian Beragam Tradisi Orang Asli
- viii. Acara Sukaneka
- ix. Persembahan Kebudayaan Orang Asli
- x. Persembahan Kombo MPSJ

2.7 KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE KEBANGSAAN 2014

Satu Pasukan KIK MPSJ telah terpilih ke Konvensyen Team Excellence Kebangsaan tahun 2014 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang akan berlangsung pada 24 - 26 November 2014 bertempat di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC).

Pasukan yang akan mewakili MPSJ ialah Kumpulan EP (Jabatan Khidmat Pengurusan) yang akan mempertandingkan tajuk projek "*Pengurusan Permohonan Logistik Yang Kurang Efisien*".

Kelayakan bagi penyertaan dalam Konvensyen Kecemerlangan Berpasukan Kebangsaan ini berikutan kemenangan Anugerah Emas yang telah diperolehi oleh pasukan MPSJ ini dalam Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah. Ia adalah acara tahunan di mana pemenang Anugerah Kecemerlangan Berpasukan Terbaik Keseluruhan akan diumumkan.

Bersama-samalah kita memberi sokongan kepada pasukan yang akan mewakili MPSJ ini di peringkat Kebangsaan.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan selamat maju jaya kepada pasukan MPSJ dan semoga projek yang dipertandingkan ini dapat memberi kejayaan kepada MPSJ.

2.8 MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN YANG KETIGA BELAS TAHUN 2014

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Tahun 2014 akan bersidang pada 24 – 28 November 2014 dan 01 – 05 Disember 2014 bertempat di Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

2.9 LAPORAN DEMAM DENGGI

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 42 (iaitu sehingga 18 Oktober 2014) adalah sebanyak 6431 kes denggi dilaporkan dan sebanyak 6075 kes disahkan positif di kawasan MPSJ.

Terdapat sepuluh (10) kawasan 'hotspots' di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu;

Lokaliti HOT SPOT MPSJ		JUMLAH KES
i.	SS 17/1, SUBANG JAYA	58
ii.	TAMAN PUCHONG UTAMA 12	46
iii.	SS 14/6, SUBANG JAYA	18
iv.	PJS 9, BANDAR SUNWAY (PJS 9/2 - PJS 9/30)	14
v.	KOTA PERDANA KP 4 (MAWAR JAYA)	11
vi.	BANDAR KINRARA 1	10
vii.	USJ 2/5	10
viii.	TAMAN SAUJANA PUCHONG SP 7	9
ix.	BT 13 KG KUALA SUNGAI BARU	8
x.	USJ 18, SUBANG JAYA	8

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

Peringatan Mesra Kerajaan Negeri Selangor

“Wabak denggi semakin serius dan meningkat. Musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan menghapuskan tempat menakung air di tempat kediaman dan tempat kerja. Jagalah kebersihan setiap hari, setiap masa, di mana jua”.

2.10 OPS TAMPAL MPSJ

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan melaksanakan Ops Tampal MPSJ selama 2 minggu bermula pada 01 hingga 14 November 2014 bertujuan untuk memastikan tiada lagi jalan berlubang di seluruh kawasan pentadbiran MPSJ. Tindakan proaktif yang dilaksanakan ini adalah demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk selaras dengan Pelan Strategik MPSJ 2012-2030.

Modus operandi yang akan digunakan ialah mengenalpasti lokasi jalan berlubang di semua zon (24 zon) dengan kerjasama pihak Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ. Kerja-kerja penampalan lubang akan dilaksanakan oleh kontraktor tahunan jalan yang dilantik oleh pihak Majlis dengan pengawasan dan pemantauan oleh pihak Majlis dan JKP.

Saiz tampalan lubang yang akan dibuat ialah 3'x3' (minimum) dan 5'x5' (maksimum) dengan menggunakan *hot mix* jenis *asphaltic concrete* 14 (AC14). MPSJ telah memperuntukkan

sebanyak RM 650,000.00 untuk kerja-kerja penyelenggaraan Ops Tampil ini.

Bersempena dengan Ops Tampil ini juga, syarikat-syarikat utiliti seperti Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) diminta memastikan jalan-jalan yang dikorek bagi kerja-kerja menaiktaraf paip dan lain-lain kerja pemasangan atau penyelenggaraan perlu ditampil semula dengan baik.

Selain itu, pihak PRASARANA juga diminta memastikan semua jalan yang terlibat dengan pembinaan laluan *Light Rapid Transit* (LRT) perlu dibersihkan dan sentiasa berada dalam keadaan baik serta selamat.

2.11 PERMOHONAN BAGI PELAKSANAAN TINDAKAN SEKATAN URUSNIAGA BAGI MENYENARAI HITAM KENDERAAN YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN KOMPAUN DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Jabatan Pengangkutan Jalan telah bersetuju untuk memberikan kebenaran bagi mengambil tindakan menyenarai hitamkan kenderaan yang mempunyai tunggakan kompaun letak kereta di dalam kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya di mana dengan tindakan ini kenderaan yang telah disenarai hitamkan tidak dapat memperbaharui cukai jalan sekiranya terdapat tunggakan kompaun trafik Majlis ke atas kenderaan tersebut.

Tindakan ini diharap dapat memberi kesedaran kepada orang ramai tentang ketegasan pihak Majlis dalam menguatkuasakan undang-undang sedia ada iaitu di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) MPSJ 2007.

Bagi kes kenderaan yang dilepas tanpa dibebaskan (DNAA) oleh Mahkamah kerana OKS gagal ditemui adalah sebanyak 22,845 kes. Bagi kes kenderaan yang mempunyai waran tangkap tetapi OKS gagal hadir ke Mahkamah (Waran Tangkap DNAA) adalah sebanyak 6426 kes. Jumlah keseluruhan kes yang akan disenarai hitamkan adalah sebanyak 29,271 kes.

Pihak Majlis telah menghantar salinan senarai kes kepada Jabatan Pengangkutan Jalan pada 21 Oktober 2014 dan sedang menunggu maklumbalas daripada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan juga telah memaklumkan akan mengadakan suatu perbincangan dengan pihak Majlis untuk membuat '*standard of procedure*' berkenaan pelaksanaan tindakan sekatan ini.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 08/2014 BERTARIKH 30 SEPTEMBER 2014.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 08/2014 bertarikh 30 September 2014 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 16/2014 Bertarikh 02 Oktober 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	En. Yap Kok Weng	Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Bagi Draf Rancangan Tempatan MPSJ (Pengubahan 2) 2020.	Beliau meminta supaya pihak Majlis mempertimbangkan permohonan untuk melanjutkan tempoh Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Bagi Draf Rancangan Tempatan MPSJ (Pengubahan 2) 2020 sehingga bulan Disember 2014. Beliau turut meminta supaya pihak Majlis mengadakan pameran Program Publisiti Dan

				<p>Penyertaan Awam Bagi Draf Rancangan Tempatan MPSJ (Pengubahan 2) 2020 di kawasan Puchong.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 09/2014 telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Bagi Draf Rancangan Tempatan MPSJ (Pengubahan 2) 2020 ini selama empat (4) minggu bermula pada 12 November 2014 sehingga 24 Disember 2014.</p> <p>Notis pemberitahuan berkenaan perlanjutan tempoh Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini akan turut diiklankan di dalam tiga (3) jenis akhbar serta turut disiarkan di laman web MPSJ.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Perancangan Bandar memaklumkan</p>
--	--	--	--	---

				bahawa pihak Majlis telah menetapkan tarikh untuk mengadakan pameran bergerak bagi Program Publisiti dan Penyertaan awam ini di kawasan Puchong iaitu bertempat di IOI Shopping Mall pada 15 – 16 November 2014.
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

**4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil. 17/2014 Bertarikh 15 Oktober 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

**4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan
Korporat Bil. 08/2014 Bertarikh 13 Oktober 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 08/2014 Bertarikh 14 Oktober 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.1 m.s 14	En. Loka Ng Sai Kai	Laporan Pengurusan Persekitaran	<p>Beliau memaklumkan bahawa Mesyuarat Pre-Council Ahli Majlis pada 27 Oktober 2014 telah bersetuju untuk mengemukakan cadangan kepada pihak Majlis untuk diadakan perjumpaan dengan semua kontraktor baru bagi kerja-kerja pembersihan dan kutipan mengikut DUN Kawasan pada tahun hadapan bagi mengadakan taklimat dan perbincangan berhubung skop kerja yang akan dilaksanakan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi Mesyuarat bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Pengurusan Alam Sekitar supaya mengambil maklum mengenai perkara ini.</p>

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 08/2014 Bertarikh 14 Oktober 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 7.6.2 m.s 12	En. Yap Kok Weng	Isu Banjir Di Kawasan MPSJ	<p>Beliau memohon maklumbalas daripada pihak Majlis berhubung cadangan penyelesaian untuk mengurangkan berlakunya masalah banjir di kawasan MPSJ terutamanya di kawasan Kampung Kuala Sungai Baru dan lain-lain kawasan yang terlibat.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa maklumbalas lanjut berhubung perkara ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.</p>

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 08/2014 Bertarikh 15 Oktober 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 08/2014 Bertarikh 16 Oktober 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.9 m.s 10	En. Stephen Chin Sou Bong	Cadangan Perubahan Tempoh Penyewaan Dan Kadar Bayaran Baru Petak Khas Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya.	Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis mengenakan syarat tambahan kepada penyewa petak khas parkir kenderaan dengan mensyaratkan tempoh penggunaan petak khas itu adalah tertakluk pada hari perniagaan dijalankan sahaja. Jika premis perniagaan mereka tidak beroperasi pada hari-hari tertentu, petak khas tersebut dibenarkan penggunaannya untuk diparkir oleh kenderaan awam yang lain.

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Perbendaharaan memaklumkan bahawa cadangan penambahbaikan ke atas syarat penyewaan petak khas parkir tersebut akan dipertimbangkan oleh pihak Majlis mengikut kesesuaian tempat dan keadaan semasa. Walaubagaimanapun, buat masa ini ianya adalah tertakluk kepada budi bicara pihak penyewa petak khas tersebut.</p>
2	para 5.14 m.s 13	En. Stephen Chin Sou Bong	Cadangan Mengenakan Bayaran Bagi Pengurusan Sisa Perdagangan (Sisa Restoran) Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya.	<p>Beliau meminta supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung perkara ini dan seterusnya meminta pertimbangan pihak Majlis supaya menangguhkan dahulu kelulusan berkaitan perkara ini sehingga ianya diputuskan semula oleh pihak Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 09/2014 bersetuju untuk mengekalkan keputusan Mesyuarat</p>

				<p>Jawatankuasa Kewangan Bil. 08/2014 berhubung kelulusan ke atas cadangan kertas mesyuarat ini seperti yang dicatatkan di dalam Minit Mesyuarat.</p> <p>Timbalan Yang Dipertua seterusnya memaklumkan bahawa sebarang cadangan pindaan atau penambahbaikan ke atas syarat-syarat dan garis panduan berhubung perkara ini akan dikaji dari masa ke semasa mengikut keadaan semasa dan kesesuaian cadangan pindaan atau penambahbaikan tersebut untuk dilaksanakan oleh pihak Majlis di masa-masa yang akan datang.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 08/2014 Bertarikh 17 Oktober 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.2.1 m.s 14	En. Loka Ng Sai Kai	Kertas Makluman Pewartaan Tempat-Tempat Perhimpunan Awam Dibawah Akta Perhimpunan Awam 2012 (Akta 736)	Beliau memaklumkan bahawa Mesyuarat Pre-Council Ahli Majlis pada 27 Oktober 2014 telah bersetuju untuk memohon pertimbangan daripada pihak Majlis supaya tempoh masa untuk cadangan penetapan lokasi tempat-tempat perhimpunan awam ke dalam senarai pewartaan Majlis Perbandaran Subang Jaya di bawah Akta Perhimpunan Awam 2012 (Akta 736) dilanjutkan sehingga 28 November 2014. <u>Maklumbalas:</u> Timbalan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 09/2014 bertarikh 28 Oktober 2014 telah bersetuju bahawa perkara ini akan

				<p>dibincangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan yang akan datang bagi penetapan lokasi pewartaan tempat-tempat perhimpunan awam di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya.</p> <p>Beliau turut meminta supaya mana-mana Ahli Majlis yang bukan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan boleh menyalurkan maklumat dan mengemukakan cadangan lokasi pewartaan tempat-tempat perhimpunan awam kepada Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan sebelum mesyuarat tersebut diadakan.</p>
2	para 5.1.5 (v) m.s 13	En. Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan	Program 'Back To School'	Beliau memohon pertimbangan pihak Majlis untuk membuat tambahan peruntukan bagi Program 'Back To School' daripada RM50.00 kepada RM100.00 untuk setiap penerima yang terpilih.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Pengarah Pembangunan Masyarakat memaklumkan bahawa peruntukan untuk program ini telah dibajetkan pada tahun lepas. Sehubungan itu, pihak Jabatan akan membuat semakan terlebih dahulu berhubung cadangan permohonan ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 09/2014 bertarikh 28 Oktober 2014 telah bersetuju supaya pihak Majlis membuat pertimbangan semula berhubung permohonan peruntukan tambahan ke atas cadangan ini dan maklumbalas berhubung perkara ini akan dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan yang akan datang.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

5.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 5.1** Tuan Pengerusi Mesyuarat mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

‘MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI’

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID, S.I.S., A.M.S.)
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(SUFARI BIN TINNIN)
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA